



## **TEKS UCAPAN**

**ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI  
TIMBALAN YANG DIPERTUA,  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN NOVEMBER  
PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**25 NOVEMBER 2024 | ISNIN**

**8.30 PAGI | LOBI MENARA MPS**

Bismillahirrahmanirrahim...

Terima kasih, saudara dan saudari pengacara majlis.

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri**

Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**

Majlis Perbandaran Selayang

**Pengarah-pengarah Jabatan, pegawai-pegawai, tuan-tuan dan puan-puan warga MPS yang dikasihi sekalia**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera,  
Salam Selayangku Sayang dan Salam Malaysia MADANI

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. atas segala nikmat dan rahmat yang telah dikurniakan kepada kita. Kerana dengan keizinan dan kurnia-Nya, kita diberi peluang dan kesempatan untuk berkumpul bersama pagi ini pada **Majlis Perhimpunan Bulan November Peringkat Majlis Perbandaran Selayang Bagi Tahun 2024.**
2. Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Jabatan Perancang Bandar** atas penganjuran majlis pada pagi ini yang membuktikan komitmen dan semangat kerjasama yang tinggi antara warga MPS. Tahniah diucapkan!

**YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

## **PELANCARAN SISTEM APLIKASI SMART SELAYANG**

3. Selayang Smart City atau Bandar Pintar Selayang 2030 adalah satu perancangan khusus perbandaran yang perlu dihayati oleh semua warga kerja MPS. Kita rancang, kita laksana dan kita pantau usaha ini supaya segala inisiatif bandar pintar ini dapat kita zahirkan.
4. Apa yang dipaparkan di skrin adalah perkembangan pembangunan kawasan dan jumlah peningkatan populasi. Tahun 1998 jumlah kawasan tepubina hanyalah 5,677 hektar dan menjelang 2030 kawasan tepubina akan meningkat sehingga 26,283 hektar. Jumlah penduduk juga dijangka meningkat sehingga 969,400 orang. Perkembangan positif ini bakal menjadikan MPS sebuah majlis yang sangat berpotensi dari segi perkembangan ekonomi dan sosial.
5. MPS juga bakal menarik jumlah pelaburan sehingga RM3 billion ringgit berdasarkan Pembangunan Pusat Data di Elmina yang pastinya akan menjadi tarikan terbesar di negeri Selangor.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian

6. Seperti yang tuan dan puan sedia maklum, transformasi digital bukan lagi menjadi satu pilihan tetapi ianya menjadi satu keperluan dalam dunia yang serba pantas ini. Bagi meningkatkan dan memudahkan **proses pengurusan perancangan dan pembangunan** di Selayang, MPS menerusi jabatan-jabatan teknikal telah membangunkan **Sistem Aplikasi Smart Selayang**
7. Pembangunan Sistem Aplikasi Smart Selayang ini berupaya memenuhi keperluan dan membolehkan **kerja-kerja pengumpulan data, verifikasi, pengemaskinian, analisis, pemantauan, integrasi dan perkongsian data** antara **jabatan/agensi/orang awam** dapat dilakukan secara dalam talian. Selain itu, ianya juga merupakan platform dan medium utama dalam menyampaikan maklumat dan menyediakan **informasi yang efisien dan terkini** kepada penggunaanya.
8. Sistem ini membolehkan pengguna untuk membuat **carian secara interaktif, melakukan analisis spatial** dengan mudah serta **paparan maklumat interaktif dalam bentuk peta, carta dan grafik** di samping mempunyai **pautan** kepada **aplikasi-aplikasi lain** yang berkaitan geospacial.

9. Untuk pengetahuan semua, **Pembangunan Fasa 1** sistem ini melibatkan **Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta serta Jabatan Teknologi Maklumat**. Manakala, fasa 2 pula akan melibatkan jabatan teknikal yang lain.
  
10. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam pembangunan dan memastikan Sistem Aplikasi Smart Selayang ini dapat direalisasikan. Semoga sistem ini memberi manfaat dalam memudahkan proses kerja harian dan digunapakai sepenuhnya oleh semua kakitangan MPS. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bukti komitmen kita dalam meningkatkan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada warga Selayang

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

## **SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2024**

11. Seterusnya, untuk makluman semua, sambutan **Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS)** merupakan sambutan yang sangat istimewa bagi **menghargai sumbangan Perancang Bandar atau *townplanner*** bukan sahaja dalam agensi kerajaan tetapi juga di agensi swasta. *Townplanner* adalah **'orang yang merancang guna tanah perbandaran dan desa secara teratur untuk memberi kehidupan yang selesa kepada penduduk'**.
  
12. Sambutan ini diadakan pada **8 November** setiap tahun. Ia mula diperkenalkan sejak 56 tahun yang lalu serta disambut oleh hampir 30 buah negara di seluruh dunia. Sehubungan itu, pada tahun ini, tema HPBS adalah **"Sedaya Upaya Membina Bandar Mampan dan Pintar #DemiPertiwi"**, yang mencerminkan komitmen kerajaan terhadap matlamat ***Sustainable Development Goals (SDG)***.

## **ANUGERAH BANDAR MAMPAN 2024**

13. Saya turut difahamkan, pada 20 Oktober 2024 yang lalu, sambutan **HPBS peringkat Negeri Selangor** telah diadakan di **Laman Rekreasi Tasek Tambahan, Kampung Tasek Tambahan, Hulu Langat**. Di sini, saya ingin memaklumkan MPS telah menerima **Anugerah Bandar Mampan 2024** yang telah disampaikan oleh **Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj**. Anugerah ini merupakan pengiktirafan atas pencapaian MPS dalam mencapai status mampan melalui penilaian **MURNInets** bagi tahun 2024.

## **ANUGERAH PENARAFAN BANDAR PINTAR TAHAP 1 : SMART CITY EARLY ADOPTER**

14. Pada sambutan **HPBS Peringkat Kebangsaan** pula, MPS turut merangkul **Anugerah Penarafan Bandar Pintar Malaysia 2024 (Tahap 1 : Smart City Early Adopter)** dan menerima ganjaran insentif pintar sebanyak **RM400,000.00**. Anugerah ini telah disampaikan oleh **YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan** pada majlis yang diadakan di **The Everly Putrajaya** pada 28 Oktober yang lalu.



15. Untuk makluman semua, **Program Penarafan Bandar Pintar Malaysia** diadakan bertujuan untuk mengiktiraf **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** yang telah mencapai status bandar pintar berdasarkan tahap pencapaian pelaksanaan yang telah ditetapkan. Program ini merupakan salah satu daripada inisiatif di bawah **Kerangka Strategik Madani** dan ***Pledge For Result*** bagi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
  
16. Saya ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada pengurusan MPS atas pencapaian ini. Sesungguhnya kedua-dua anugerah ini merupakan pengiktirafan yang sangat membanggakan MPS dan warga perbandaran Selayang.

**YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

**ANUGERAH MSOSH GOLD CLASS 2 AWARD WINNER 2024**

17. Seterusnya, suka saya maklumkan bahawa pada 11 November 2024, MPS telah menerima anugerah : Malaysia Society for Occupational Safety and Health: **MSOSH Gold Class 2 Award Winner 2024** dalam kategori **Sektor Awam dan Badan Berkanun** sempena **MSOSH Occupational Safety & Health 42nd Award 2024** bertempat di Sunway Resort & Spa, Petaling Jaya. Anugerah ini telah disampaikan oleh Encik Harun bin Bakar, Ketua Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan PERKESO.
  
18. MSOSH Gold Class 2 Award Winner 2024 ini telah dirasmikan oleh **Y.A.B. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara** dan turut dihadiri 18 orang pegawai daripada Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) MPS.
  
19. Oleh yang demikian, tahniah diucapkan dan saya berharap pencapaian ini dapat memperkukuhkan usaha serta semangat seluruh warga MPS dalam meningkatkan standard keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Tuan tuan Puan puan yang saya hormati sekalian.

## **PROMOSI PERKHIDMATAN BAS SMART SELANGOR**

20. Untuk makluman semua, Bas Smart Selangor (yang dahulunya dikenali sebagai Bas Selangorku) merupakan perkhidmatan bas percuma yang dibiayai oleh kerajaan negeri Selangor.
  
21. Penyediaan bas ini bertujuan untuk memberikan perkhidmatan pengangkutan secara percuma, menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam di samping meringankan beban orang ramai terutamanya golongan yang kurang berkemampuan.
  
22. Perkhidmatan bas Smart Selangor MPS mula beroperasi pada **13 Mei 2016**. Sebanyak **4 laluan bas** beroperasi di kawasan Selayang, Rawang dan kawasan lain di daerah Gombak iaitu **Laluan MPS1, MPS2, MPS3 dan MPS4**.

23. Justeru itu, bermula **Disember 2020**, pengguna Bas Smart Selangor diwajibkan untuk mengimbas **KOD QR “SCAN TO RIDE”** semasa menggunakan perkhidmatan bas ini.
24. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada **Jabatan Perancang Bandar dan Ahli Majlis** kerana telah turun padang untuk **mempromosikan Perkhidmatan Bas Smart Selangor** dan menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan ini.

## **PERTANDINGAN PENJENAMAAN SEMULA LOGO MAJLIS BERSAMA JABATAN**

25. Seterusnya, Majlis Bersama Jabatan (MBJ) telah menganjurkan pertandingan penjenamaan semula logo MBJ MPS bermula pada 1 Oktober hingga 30 Oktober 2024. Sebanyak 49 penyertaan diterima dan sesi penjurian telah diadakan pada 4 November 2024.
26. Untuk makluman, objektif pertandingan ini adalah untuk memberi peluang kepada semua kakitangan MPS mencungkil bakat dan kreativiti dalam mereka cipta logo MBJ yang baru.
27. Pemenang bakal menerima hadiah wang tunai **bernilai RM 500.00**. Oleh itu, tahniah kepada semua pemenang pertandingan penjenamaan semula logo MBJ yang akan kita umumkan pada hari ini.

## **PERTANDINGAN RUGBY MAKSAK SELANGOR**

28. Untuk makluman semua, baru-baru ini MPS telah dilantik sebagai Pengerusi Sukan bagi Pasukan Ragbi MAKSAK Selangor yang bertanding pada Kejohanan MAKSAK Games 2024 yang berlangsung di Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Kota Bharu, Kelantan pada 14 hingga 17 November lalu.
  
29. Dalam pada itu juga, saya turut berbangga kerana buat pertama kalinya dalam sejarah MPS, (2) dua orang kakitangan MPS turut mewakili pasukan Negeri Selangor ini dan berjaya mendapat Johan keseluruhan. Tahniah pada pasukan Ragbi Selangor, kepada JPM yang tidak kenal penat dan lelah melayan segala kehendak pasukan dan terima kasih juga pada Tuan Haji Azhar luluskan peruntukan dan semua pihak yang terlibat secara langsung. InsyaAllah saya yakin MPS akan tersohor satu hari nanti sebagai pusat kecemerlangan dan perkembangan sukan yang bakal melahirkan atlit yang hebat hebat tetapi juga seorang pekerja yang cemerlang.

## **BANTUAN BAUCER SEMPENA PROGRAM CERIA KEMBALI KE SEKOLAH PERINGKAT MPS 2024**

30. Hadirin sekalian, di samping kita meraikan pelbagai pencapaian, MPS tidak lupa untuk menyantuni warga perbandaran Selayang menerusi program khidmat masyarakat. Justeru, MPS dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Daerah Gombak berbesar hati untuk menganjurkan Program Ceria Kembali ke Sekolah.
31. Program ini merupakan acara tahunan yang diadakan untuk menyampaikan bantuan persekolahan kepada anak-anak yang kurang berkemampuan seperti anak-anak yatim serta anak-anak dari golongan asnaf dan B40.
32. Saya difahamkan sebanyak 250 penerima yang terdiri daripada murid-murid tabika KEMAS dari DUN Gombak Setia, Sungai Tua, Taman Templer, Rawang dan Kuang bakal menerima baucer pembelian sebanyak RM200.00 setiap seorang pada hari ini. Jumlah keseluruhan sumbangan yang diberikan adalah berjumlah RM50,000.

33. Dengan bantuan seumpama ini, diharapkan ianya dapat **meringankan beban golongan kurang berkemampuan** agar mereka tidak merasa terpinggir dan bersemangat untuk menguruskan **keperluan anak-anak bagi** sesi persekolahan tahun 2025 yang akan datang.



**YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

## **PENUTUP**

34. **Baru baru ini saya bersama Tuan YDP dan Ketua Unit integriti telah membuat semakan fizikal di kaunter MPS. Beberapa teguran telah diberikan kepada jabatan untuk tambah baik perkhidmatan di kaunter ini. Saya mohon, saya rayu... tuan tuan puan puan hormatilah waktu bekerja kita ini. Jangan kita bermimpi untuk duduk santai tunggu waktu rehat atau waktu balik, jangan kita culas waktu bekerja yang telah diamanahkan.**
35. Saya ingin tegaskan tentang betapa pentingnya kita tingkatkan semangat berpasukan. Konsep TEAM : Together We Achieves More adalah konsep bekerja bersama-sama yang perlu dihayati dan dizahirkan oleh semua warga kerja MPS. Jangan kita biarkan kelebihan yang ada pada kita ini disia-siakan dengan perkara yang boleh merosakan nama MPS. Jangan kita bagi sesiapa pun kat luar cakap orang Majlis tak buat kerja, makan gaji buta, jangan kita biarkan orang persoalkan 2 bulan Bonus sesuatu yang tidak layak kita terima....belum lagi cerita reward, belum lagi program makan-makan dan sebagainya. Jangan sesekali tuan tuan dan puan puan, kita disalahkan di akhirat nanti sebab kita culas, malas, lembab, berlengah lengah dan tidak berintegriti.

Tuan-tuan puan puan yang dikasihi sekalian...

36. Sesungguhnya setiap usaha dan dedikasi anda semua telah memberikan impak yang sangat besar kepada MPS. Kejayaan yang diraih bukan usaha Ydp Tydp Ahli Majlis sahaja tetapi adalah hasil kerja warga kerja MPS yang ada pada hari ini. Semangat kerja berpasukan dan komitmen kita untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap bidang harus kita teruskan. Akhir kata, marilah kita terus berusaha dan berjuang untuk mengangkat nama Majlis Perbandaran Selayang di persada yang lebih tinggi.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassala mualaikum warrahmatullahi wabarakatuh....

Sekian, terima kasih.